



KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN TAHUN 2021 “ANAK KITA MASA DEPAN KITA”

Hari ini, saya telah merasmikan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 di Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada tahun ini, Kementerian telah memilih tema “**ANAK KITA MASA DEPAN KITA**” sebagai tema **Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2021** selari dengan tema Hari Kanak-kanak Peringkat Antarabangsa iaitu “***Investing Our Children Means Investing in Our Future***”. Tema ini merupakan suatu **manifestasi tanggungjawab Kerajaan dan seluruh Keluarga Malaysia** untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan **keadilan dan kesejahteraan kehidupan kanak-kanak** pada hari ini dan pada masa hadapan.

Sambutan Hari Kanak-kanak Peringkat Kebangsaan pada hari ini bukan sekadar satu sambutan semata-mata, **tetapi juga merupakan satu program advokasi bagi meningkatkan pemahaman kepada masyarakat terhadap hak-hak dan isu-isu yang dihadapi berkaitan kanak-kanak. Pada masa yang sama juga, sambutan ini adalah manifestasi dalam menzahirkan** penghormatan dan pengiktirafan Kerajaan kepada seluruh kanak-kanak yang merupakan **barisan pemimpin masa hadapan negara.**

Pada tahun ini, adik Muhammad Hadif bin Syazwan Anas berusia 11 tahun dianugerahkan Pingat Hang Tuah kerana telah menunjukkan sifat keberanian luar biasa dan semangat juang yang tinggi semasa menyelamatkan moyang perempuan beliau sewaktu kejadian Tragedi Kepala Air yang berlaku di Yan, Kedah baru-baru ini. Saya **berharap dengan pengiktirafan Anugerah Pingat Hang Tuah ini, menjadi inspirasi kepada anak-anak Malaysia di luar sana untuk gigih menabur bakti murni, atau mencipta kejayaan gemilang dalam bidang dan minat masing-masing sebagai sumbangan kepada bangsa dan negara.**

Dalam dunia digital pada hari ini, gajet menjadi teman setia anak-anak kita. Sebagai **langkah keselamatan dan perlindungan** supaya anak-anak tidak terjebak dengan buli siber atau jenayah seksual dalam talian, Kementerian telah menubuhkan **Jawatankuasa Tindakan Bersepadu Pengurusan Isu Kanak-Kanak Dalam Talian**. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan, sektor swasta serta Badan Bukan Kerajaan serta aktivitis sosial untuk membincangkan **langkah-langkah advokasi dan intervensi yang bersesuaian**.

Dalam usaha menangani isu keselamatan kanak-kanak dalam talian, Kementerian komited untuk melaksanakan program advokasi melalui **kempen membanteras jenayah seksual kanak-kanak**. Ini merupakan langkah pencegahan dan memberi kesedaran kepada ibubapa, ahli keluarga serta masyarakat untuk melindungi kanak-kanak daripada pihak atau individu yang tidak bertanggungjawab. Pada hari ini juga, Kementerian memperkenalkan secara rasmi **overlay KAKTUS** sebagai perlambangan kepada **perlindungan kanak-kanak oleh Kerajaan dan Keluarga Malaysia terhadap jenayah seksual dalam talian**.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sehingga Mei 2021, **seramai 9.69 juta penduduk Malaysia adalah terdiri daripada kanak-kanak** iaitu 29.31% daripada jumlah penduduk Malaysia. Selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan kanak-kanak, saya akan terus komited dalam kesejahteraan kanak-kanak demi kepentingan terbaik kanak-kanak atau **The Best Interest of The Child**. Kanak-kanak diumpamakan sebagai **kanvas putih dan adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pelukis untuk mencorakkan kanvas kehidupan** mereka pada masa hadapan. Selamat menyambut Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2021, "Anak kita masa depan kita".

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

16 Oktober 2021